

Zakri adalah pemenang pingat perak Sukan SEA '87 di Jakarta dan pingat gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia, di Kuala Lumpur pada Disember 1987.

Di Port Dickson tahun lalu, dia mengekalkan juara Kelas D kebangsaan setelah mewaskan pemenang pingat emas Sukan SEA '87, Ahmad Khusairi Ibrahim. Khusairi adalah juara Kelas C yang bertukar ke Kelas D kerana pertambahan berat badan.

Zakri berkata, peluangnya untuk mengutip pingat emas tetap ada berdasarkan latihan yang dijalani di Pulapah sekarang.

30 MAR 1989

Persediaan

Katanya, latihan itu bukan sahaja menitikberatkan kecerdasan fizikal, malah pernafasan dan latihan merentas halangan untuk kekuatan psikologi. **B. Harian (M)**

Selain itu pusat berkenaan lebih menitikberatkan berat sukan, hingga setiap rekrut diwajibkan menjalani latihan silat polis.

"Saya mendapat banyak pengetahuan baru terutama di segi teknik ketepatan serangan dan mengelak. Saya percaya, 'rahsia' baru itu boleh digunakan di Sukan SEA nanti," kata Zakri.

Silat jadi acara Olimpik?

Oleh SHAHARUDIN RAMLI

PERTEMUAN pertubuhan-pertubuhan silat Eropah di Achen, Jerman Barat, yang bermula hari ini, mencerahkan harapan untuk menyaksikan silat olahraga menjadi salah satu acara pertunjukan di Sukan Olimpik '92 di Barcelona.

Ini berikutan Persatuan Silat Sepanyol (SSF) turut menyertai persidangan dua hari itu yang diwakili oleh pengasas Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) iaitu Malaysia dan Indoensia.

Selain Jerman Barat selaku tuan rumah, negara lain yang turut serta ialah Belgium, Perancis, Belanda, dan Yugoslavia. **B. Harian (M)**

Malaysia diwakili oleh Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, manakala Presiden Persekutuan Pencak Silat Indoensia, Eddie Nalapraya, menjadi wakil negaranya serta bertindak sebagai Presiden Persilat.

"Selain memastikan acara silat diserap sebagai acara pertunjukan Sukan Olimpik, persidangan itu akan membincangkan beberapa garis panduan serta strategi ke arah menyelaraskan perkembangan silat di Eropah," kata Abdul Rahman, sebe-

lum berlepas ke Jerman Barat, semalam.

Beliau percaya persidangan kali pertama yang membabitkan badan-badan silat Eropah itu, akan mempercepatkan lagi perkembangan seni mempertahankan diri di benua itu selepas ini.

"Setahu saya, persidangan ini diadakan setelah silat mula mendapat perhatian di kalangan pengemar seni mempertahankan diri di Eropah," jelas beliau.

Beliau berkata, Pesaka juga akan menggandakan usaha mengimbangi perkembangan silat di benua Eropah. Selama ini, hanya Indonesia yang begitu giat memperkenalkan silat di benua itu.

Katanya, setelah silat berjaya diamalkan oleh kebanyakan penduduk Eropah, sudah pasti usaha menarik minat mereka menyertai silat olahraga dapat dicapai.

Beliau difahamkan, Persekutuan Silat Sepanyol (SSF) sedang berusaha memujuk beberapa negara supaya menyokong cadangannya agar acara silat olahraga diserap dalam acara pertunjukan Sukan Olimpik '92.

"Jika ini terlaksana, matlamat untuk melihat silat menjadi acara rasmi Sukan Olimpik boleh dicapai selepas 1992 nanti," katanya.

31 MAR 1989